


Sudut Falak Syarie

Istilah-istilah dalam Ilmu Falak Syarie 2

Apakah itu Hilal?

Perkataan 'Hilal' sering timbul ketika hendak menentukan permulaan puasa Ramadhan, Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Kurban. Namun apa yang dimaksudkan dengan 'Hilal'? adakah ia sama dengan 'Anak Bulan'? Apa beza anak bulan dan bulan? Bagaimana pula dengan bulan sabit?

Bentuk-bentuk bulan dilihat dari bumi



﴿يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ﴾

"Mereka bertanya kepadamu tentang hilal. Katakanlah hilal itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan ibadat haji." [al-Baqarah(2):189] 2

Dari Ibn Umar r.a. Dari Nabi saw. bahawa beliau menyebut-nyebut tentang bulan Ramadhan sambil mengangkat kedua tangannya dan bersabda: **"Allah SWT telah menjadikan hilal-hilal itu sebagai ukuran waktu manusia, maka berpuasalah kerana kamu melihatnya dan berhari rayalah kerana kamu melihatnya. Maka sekiranya terlindung (hilal) dengan awan, maka genapkanlah bilangan hari itu 30 hari."**(Abdurrazzaq [Sahih: Mushannaf 'Abdirrazzaq (no. 7306) cet. Al-Maktab al-Islami th. 1403 H)

Di dalam al-Quran dan Hadis perkataan Hilal merujuk kepada anak bulan atau bulan sabit, dalam bahasa Inggerisnya, 'Crescent moon'. Walaupun begitu dalam beberapa terjemahan dalam bahasa Inggeris menterjemah perkataan Hilal sebagai 'New Moon' atau Bulan Baru.

Hilal adalah fasa seterusnya selepas fasa Bulan Baru atau setelah berlakunya ijtimak di mana pantulan cahaya berbentuk sabit mula kelihatan. Cahaya yang terpantul itu akan kelihatan sebagai bulan sabit yang halus dan nipis pada pemerhati di bumi. Bulan baru bagi kalendar Islam bermula dengan kenampakan Hilal.

Menjawab persoalan yang timbul di awal artikel iaitu, Hilal adalah anak bulan. Hilal merupakan petunjuk kepada penentuan awal bulan seperti yang disebut oleh Rasulullah SAW. Bulan dan anak bulan adalah objek yang serupa, cuma hilal adalah nama bagi bulan yang berada di awal fasa setelah berlaku ijtimak dan setelah terbenam matahari. Antara nama bagi fasa –fasa bulan iaitu, bulan sabit, bulan penuh, anak bulan dan bulan baru.

Fasa-Fasa Bulan:

